



Longgokan bahan binaan berhampiran jambatan Sungai Jelok di Pasar Kajang.

[FOTO SARAH SULAIMAN/BH]

Tanggungjawab siapa?

» JPS, MPKj lepas tangan masalah longgokan batu, pasir di tebing jambatan Sungai Jelok

Oleh Sarah Sulaiman
sarahsulaiman@bh.com.my

► Kajang

Kewujudan longgokan batu dan pasir di kawasan meletak kenderaan berdekatan tebing jambatan Sungai Jelok di Pasar Kajang, dekat sini, meresahkan pengunjung pasar berkenaan.

Tinjauan BH Wilayah ke kawasan itu mendapati, ada empat longgo-

kan pasir dan batu yang diletakkan di tebing Sungai Jelok tanpa ditutup menggunakan kanvas keselamatan.

Lokasi buang sampah

Tidak cukup dengan itu, papan tanda kawasan meletak kenderaan 'Bayar dan Peraga' yang bengkok dan rosak tanpa dibaiki turut membahayakan kenderaan serta pengguna lalu-laluan itu.

Selain itu, kesan kerja penyelenggaraan lantai yang dikorek di

tebing jambatan sehingga menjadi lokasi pembuangan sampah turut mencacatkan pemandangan persekitaran.

Pengunjung pasar itu, Mohd Izzuan Idrus, 26, berkata longgokan pasir dan batu di kawasan meletak kenderaan itu mengganggu ruang kenderaan selain berbahaya kepada pengguna jambatan berkenaan.

"Keadaan ini menunjukkan seolah-olah akan ada lagi kerja menaik taraf benteng tebatan banjir yang dikatakan siap dibina pada 2012, namun tidak sepatutnya bahan binaan ini diletakkan seperti itu selain tiada papan tanda kerja penyelenggaraan dipasangkan sebagai hebahan.

"Ruang meletak kenderaan yang digunakan bagi meletak bahan binaan berkenaan pula dianggap tidak sesuai kerana menghalang pemilik kenderaan meletakkan kenderaan dalam keadaan selamat," katanya ketika ditemui.

Pendapat itu disokong Nur Amilia Ahmad, 33, yang mahu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melakukan pemantauan bagi memastikan persekitaran tebing Sungai Jelok, selamat digunakan.

Tiada kerja baik pulih

"Selain timbunan pasir yang mencurigakan itu, saya hairan mengapa tiada usaha baik pulih dijalankan di tebing jambatan yang berlubang dengan kesan dikorek sehingga ia menjadi lokasi longgokan sampah," katanya.

“**Longgokan pasir serta batu berkenaan bukan bahan binaan dari projek menaik taraf tebing sungai dan jambatan yang dilaksanakan oleh kontraktor dilantik JPS terdahulu. Kemungkinan ada kerja dilaksanakan individu lain di kawasan pasar yang diselia MPKj**”

Roslan Shamsuddin,
Jurutera Daerah JPS
Hulu Langat

BH Wilayah ketika mengajukan aduan ini kepada pihak JPS Hulu Langat dan MPKj menerima jawapan mengelirukan berikutan kedua-dua pihak tidak mengaku bertanggungjawab.

Jurutera Daerah JPS Hulu Langat, Roslan Shamsuddin, berkata laporan daripada pemantauan ke lokasi mendapati longgokan pasir serta batu berkenaan bukan bahan binaan dari projek menaik taraf tebing sungai dan jambatan yang dilaksanakan oleh kontraktor dilantik JPS terdahulu.

"Kemungkinan ada kerja dilaksanakan individu lain di kawasan pasar yang diselia MPKj," katanya yang dihubungi, baru-baru ini.

Sementara itu, Penolong Pengerah Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman, ketika diminta mengulas mengenai longgokan bahan binaan berkenaan berkata, isu itu perlu dirujuk kepada pihak JPS berikutan ia di bawah seliaan JPS.